

FAKULTI SAINS SOSIAL

Kajian Antarabangsa
Kajian Hubungan Industri dan Perburuhan
Kajian Khidmat Sosial
Kajian Komunikasi
Perancangan dan Pengurusan Pembangunan
Politik dan Pemerintahan



SESI 1999/2000

PRAKATA

Selamat datang ke UNIMAS, dan tahniah kerana anda telah berjaya dan berpeluang menjejak UNIMAS. Pilihan anda adalah tepat serta terbaik dan kami yakin ar dengan sepenuhnya untuk tujuan menimba ilmu dan pada masa yang sama mempunyai pembangunan personaliti, kemahiran dan sifat-sifat murni dalam diri anda sebagai seorang graduan berpendidikan tinggi.

Sebagai sebuah universiti yang bersifat kontemporer dan berpandangan jauh UNIMAS merupakan wahana yang terbaik untuk merealisasikan aspirasi anda. Ini sejajar dengan cita-cita negara yang ingin menjadikan rakyatnya serba boleh dan serta mencapai kecemerlangan. Ini adalah asas penting dalam usaha kita menuju ke arah sebuah negara maju.

Fakulti Sains Sosial berusaha dengan giat untuk menjadi pusat akademik yang cemerlang. Program akademik yang bersifat bersepadu dan antara disiplin telah dirangka dan diperkenalkan. Ini bertujuan agar segala ilmu pengetahuan dari perspektif sains sosial dapat disampaikan dan digunakan untuk memandu dan merancang kemajuan masyarakat.

Sebagai seorang pelajar yang akan berada di sini buat beberapa waktu sudah tentunya unsur-unsur disiplin dan penggunaan masa yang bijak amat diperlukan. Menimba ilmu juga memerlukan pengorbanan dan sudah pastinya anda akan melalui berbagai bentuk cabaran. Hanya daripada kegigihan, tekad dan semangat perjuangan yang berkobar-kobar dan tidak pernah luntur itu akan membuahakan kejayaan kepada diri anda. Selain daripada harapan kepada keluarga anda juga menjadi tanggungjawab kepada agama, negara dan bangsa kita.

Buku ini bertujuan untuk memperkenalkan Fakulti Sains Sosial dan program akademiknya serta prosidur dan peraturan utama yang perlu diketahui dan dipatuhi. Walau bagaimanapun, bukan semua maklumat yang diinginkan terkandung didalamnya. Sehubungan itu, segala pertanyaan dan kemusykilan hendaklah dikemukakan kepada ahli-ahli fakulti yang sentiasa bersedia membantu anda. Adalah menjadi harapan kami agar anda boleh menyesuaikan diri dengan masyarakat kampus khususnya dan masyarakat Sarawak umumnya serta menggunakan segala yang ada di kampus ini dengan sepenuhnya untuk menimba ilmu, membangun sikap dan personaliti anda.

Sekian dan Selamat Maju Jaya.

KANDUNGAN

PENDAHULUAN	3
PERATURAN AKADEMIK PENGAJIAN SARJANA MUDA (Pindaan 1999)	4
PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN	11
1. KAJIAN ANTARABANGSA 2. KAJIAN HUBUNGAN INDUSTRI DAN PERBURUHAN 2.3 KAJIAN KHIDMAT SOSIAL 2.2 KAJIAN KOMUNIKASI 2.1 PERANCANGAN DAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN 2.4 POLITIK DAN PEMERINTAHAN	
MODUL KURSUS GENERIK DAN PELENGKAP	17
MODUL KURSUS GENERIK MODUL KURSUS PELENGKAP	
JADUAL KULIAH	29
BUTIR-BUTIR KURSUS SEMESTER 1	30
STAF FAKULTI	31
KALENDAR AKADEMIK 1999/2000	35

PENDAHULUAN

Sains Sosial merupakan bidang ilmu yang boleh membantu menambahkan pemahaman kita terhadap aspek-aspek kemanusiaan, sosial dan kebudayaan. Melalui pemahaman ini kita berupaya untuk menangani setiap isu dan masalah-masalah sosial yang timbul akibat kekompleksan tersebut.

Dalam menghadapi cabaran abad ke 21, Fakulti Sains Sosial berusaha dengan giat untuk menjadi pusat akademik yang cemerlang. Program pra-siswazah telah disusun dengan teliti bukan sahaja untuk membentuk para pelajar dengan kesedaran sosial tetapi juga membantu mereka dengan keupayaan mempraktik apa yang telah mereka pelajari. Melalui rangkaian perhubungan dengan masyarakat-masyarakat tempatan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGOs), sektor-sektor awam dan juga swasta yang diwujudkan melalui program latihan industri yang diwajibkan ke atas para pelajar, dapat merealisasikan matlamat tersebut.

Di samping itu, matlamat jangka panjang adalah untuk menjadikan fakulti terkenal dengan kecemerlangan penyelidikan, lebih-lebih lagi dengan kedudukan geografinya yang unik di bahagian Barat Kepulauan Borneo. Untuk memantapkan lagi program pra-siswazah, bidang penyelidikan telah disusun dan dimasukkan ke dalam kurikulum bagi membantu dalam pengajaran dan aktiviti pembelajaran para pelajar.

Program akademik Fakulti Sains Sosial memperkenalkan dan menerapkan beberapa bidang tertentu dalam sains sosial secara bersepadu dan antara-disiplin. Tujuannya ialah untuk menyampaikan ilmu pengetahuan mengenai perspektif sains sosial kepada para pelajar supaya bidang ilmu tersebut dapat digunakan dalam memandu dan merancang perkembangan masyarakat terutamanya dalam konteks perindustrian yang dialami oleh negara sekarang.

Setiap program bersifat gunaan, supaya lulusan program Sarjanamuda Sains Sosial dilengkapkan bukan sahaja dengan teori tetapi juga praktik supaya mereka dapat bersaing dalam pasaran buruh dan menyediakan proses kerjaya yang cerah. Enam program pra-siswazah ditawarkan di bawah fakulti ini iaitu:-

1. Kajian Antarabangsa

2. Hubungan Industri dan Perburuhan

3. Kajian Khidmat Sosial

4. Kajian Komunikasi

5. Perancangan dan Pengurusan Pembangunan

6. Politik dan Pemerintahan

PERATURAN AKADEMIK PENGAJIAN SARJANA MUDA
(Berkuatkuasa Mulai Sesi 1999 / 2000)

1. TAKRIF

- "Pelajar" ialah seseorang yang telah menyempurnakan pendaftaran kursus di Universiti ini.
"Pelajar Lama" ialah pelajar yang telah melalui sekurang-kurangnya satu semester pengajian di Universiti ini.
"Program" ialah bidang pengkhususan yang dipilih oleh pelajar.
"Kursus" ialah komponen kurikulum yang mempunyai kod tersendiri.
"Kredit" ialah nilai yang diberi kepada sesuatu kursus untuk melambangkan peluang pembelajaran yang dijangka dalam kursus berkenaan.
"Penilaian" ialah sebarang kaedah yang digunakan untuk mengukur pencapaian akademik pelajar secara berterusan.
"Lembaga Pemeriksa" ialah Lembaga yang ditubuhkan oleh Fakulti/Pusat bagi semua urusan berkaitan dengan penilaian.
"PNG" (Purata Nilai Gred) ialah ukuran pencapaian seseorang pelajar dalam sesuatu semester.
"PNGK" (Purata Nilai Gred Kumulatif) ialah ukuran pencapaian seseorang pelajar bagi keseluruhan muncud dia telah berada di program berkenaan di Universiti.

2. SESI AKADEMIK

- 2.1 Sesi Akademik Universiti dibahagikan kepada tiga semester: Semester I, II dan III. Lazimnya semester I dan II adalah enambelas (16) minggu dan semester III lapan (8) minggu.

3. PENDAFTARAN PROGRAM

- 3.1 Semua calon pelajar hendaklah mendaftar sebagai pelajar dalam program yang ditawarkan pada tarikh yang ditetapkan. Tawaran dianggap terbatal jika calon pelajar gagal berbuat demikian tanpa alasan yang boleh diterima oleh Universiti.
- 3.2 Pelajar lama hendaklah mendaftar programnya pada tarikh yang telah ditetapkan oleh Universiti (lazimnya pada penghujung minggu sebelum permulaan semester). Pendaftaran lewat hanya dibenarkan sehingga penghujung minggu ke-2, dengan membayar yuran pendaftaran lewat. Pendaftaran selepas minggu ke-2 hanya dibenarkan bagi kes-kes yang diluluskan oleh Dekan Fakulti/Pusat setelah berpuas hati dengan alasan munasabah yang diberikan oleh pelajar.

Pendaftaran pelajar dianggap sempurna setelah pelajar menjelaskan segala hutang dengan Universiti bagi semester lepas.

Pelajar yang telah terputus pengajian disebabkan penangguhan pengajian, penggantungan pengajian atau sebagainya hendaklah mendaftar semula dalam programnya.

4. PENDAFTARAN KURSUS

- 4.1 Pelajar hendaklah mendaftar semua kursus yang diambil pada setiap semester.
- 4.2 Kursus yang boleh didaftar hanyalah kursus yang ditawarkan pada semester berkenaan.
- 4.3 Pelajar dikehendaki melakukan pra pendaftaran kursus yang hendak diambil pada sesuatu semester pada penghujung semester sebelumnya. Tarikh sebenar akan diumumkan oleh Universiti.
- 4.4 Pendaftaran kursus hendaklah disempurnakan dengan mengesahkan pra pendaftaran dan menambah kursus baru, jika perlu, dan membayar yuran, sebelum akhir minggu ketiga semester berkenaan. Pelajar yang gagal berbuat demikian tanpa alasan munasabah akan digantung pengajiannya pada semester berkenaan. Pelajar juga diwajibkan mengesahkan senarai kursus yang didaftarkan pada minggu ke-4. Pelajar yang gagal berbuat demikian akan bertanggungjawab di atas segala masalah yang mungkin timbul selepas itu.
- 4.5 Pelajar dibenar menambah dan menggugurkan kursus dari minggu pertama sehingga minggu ke-3 semester. Tiada catatan akan dicatat di dalam transkrip pelajar sekiranya pengguguran kursus dibuat di dalam tempoh berkenaan. Sekiranya pelajar gagal berbuat demikian selepas minggu ke-3, gred F (gagal) akan diberikan.

- 4.6 Pertukaran status kursus yang didaftarkan boleh dilakukan sehingga minggu ketiga (3). Ini termasuklah penukaran ke status kursus audit dan kursus lambahan.
- 4.7 Bagi semester yang kurang daripada 16 minggu, tempoh dalam perkara 4.4 hingga 4.6 di atas dipendekkan bersesuaian dengan tempoh semester.
- 4.8 Yuran pendaftaran kursus (per kredit) dikenakan untuk pendaftaran kursus oleh orang awam, dan pendaftaran kursus tambahan, audit dan ulangan bagi pelajar.

5. SISTEM KREDIT

- 5.1 Setiap kursus mempunyai nilai kredit melainkan yang dikecualikan oleh Universiti atau Fakulti/Pusat
- 5.2 Nilai kredit bagi setiap kursus lazimnya berdasarkan jam pembelajaran
- 5.3 Satu (1) kredit kursus lazimnya memerlukan pelajar menumpukan lebih kurang **40 jam pembelajaran** per semester. Ini boleh dilaksanakan dengan memperuntukkan tiga jam pembelajaran seminggu bagi semester 16 minggu. Pembelajaran termasuk pertemuan formal seperti kuliah, tuisyen, studio, projek, kerja lapangan dan ujian, dan aktiviti bukan formal seperti menyiapkan tugasan, membaca, menelaah dan berbincang.
- 5.4 Nilai kredit bagi latihan industri ditentukan oleh Fakulti/Pusat.
- 5.5 Pelajar dibenarkan mendaftar antara **8 hingga 20 kredit** pada setiap semester. Walaubagaimanapun, kredit maksimum bagi pelajar yang lulus bersyarat ialah 12. Pendaftaran di luar julat ini memerlukan kelulusan Dekan.
- 5.6 Jumlah kredit yang didaftar bagi semester yang kurang daripada 16 minggu hendaklah bersesuaian dengan tempoh semester berkenaan.

6. PEMINDAHAN KREDIT

- 6.1 Pelajar boleh memohon pemindahan kredit ke programnya jika dia boleh membuktikan bahawa dia:
 - a) telah lulus dengan memuaskan kursus dari institusi lain yang diiktiraf dan diperakui setara oleh Fakulti/Pusat; dan/atau
 - b) mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang diiktiraf dan diperakui setara oleh Fakulti/Pusat.
- 6.3 Kredit yang dipindahkan tidak diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK.
- 6.4 Pelajar memohon kepada Fakulti/Pusat, dan Fakulti/Pusat boleh menimbang untuk memperakui Pemindahan kredit berasaskan kriteria berikut:
 - 6.3.1 Pelajar hendaklah mencapai keputusan setara dengan gred **B-** dalam kursus yang digunakan sebagai asas permohonan;
 - 6.3.2 Pengalaman, pengetahuan dan/atau kepakaran yang dimaksudkan hendaklah diperakui oleh Fakulti/Pusat sebagai sekurang-kurangnya setara dengan pengalaman, pengetahuan dan/atau kepakaran pelajar yang telah lulus kursus berkenaan di UNIMAS dengan gred **B-**.
 - 6.3.3 Kursus atau pengalaman, pengetahuan dan/atau kepakaran yang dimaksudkan telah diikuti/diperolehi dalam masa **lima tahun** yang lepas.
 - 6.3.4 Lazimnya jumlah kredit yang dipindahkan tidak melebihi 1/3 daripada jumlah kredit yang disyaratkan bagi program berkenaan.
 - 6.3.5 Untuk tujuan rekod akademik pelajar, nama dan kod kursus UNIMAS (kursus yang setara dengan kursus yang pernah diambil di institusi terdahulu) akan dicatatkan di dalam slip keputusan gred pada semester berkenaan dengan catatan gred PK.

7. JUMLAH KREDIT BAGI PROGRAM

- 7.1 Pelajar dikehendaki mengikuti sekurang-kurangnya satu ratus dua puluh lima (125) kredit kursus yang ditetapkan, atau sejumlah kredit lain yang ditetapkan oleh Senat.
- 7.2 Jumlah kredit yang dimaksudkan di dalam perkara 7.1 hendaklah diambil dari kelompok kursus seperti berikut:
- lapan puluh satu kredit (81) dari **Kursus Teras**,
 - dua belas kredit (12) dari **Kursus Pelengkap**, dan
 - tiga puluh dua kredit (32) dari **Kursus Generik**.
- 7.3 Pelajar boleh mengambil Kursus Tambahan sebagai tambahan kepada jumlah di atas.

8. TEMPOH PENGAJIAN

Tempoh pengajian adalah 3 hingga 6 tahun bagi Ijazah Sarjana Muda dan 5 hingga 7 tahun bagi Ijazah Doktor Perubatan.

9. KLASIFIKASI GRED

- 9.1 Gred dan nilai gred yang diberi bagi sesuatu kursus adalah seperti dalam jadual berikut.

Gred	Nilai Gred	Taraf Pencapaian
A	4.00	Lulus Cemerlang
A-	3.67	
B+	3.33	Lulus Kepujian
B	3.00	
B-	2.67	
C+	2.33	Lulus Baik
C	2.00	
C-	1.50	Lulus Lemah
D	1.00	
F	0.00	Gagal

- 9.2 Kursus juga boleh diberi simbol tanpa gred seperti berikut:

L/K (Lulus/Kandas)

Diberikan bagi kursus tertentu yang keputusannya tidak digredkan tetapi hanya catatan Lulus atau Kandas sahaja.

TL (Tidak Lengkap)

Diberi dengan kebenaran Fakulti/Pusat kepada pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus kerana alasan munasabah. Pelajar perlu melengkapkan tugas tersebut selawal-lewatnya pada akhir minggu ke-dua pada semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan gred.

SM (Sedang Maju)

Digunakan bagi sesuatu kerja projek atau program yang melebihi satu semester untuk dilengkapkan. Kredit dan nilai gred bagi kerja atau projek ini hanya diambil kira apabila simbol SM diganti dengan gred

U (Audit)

Diberi kepada pelajar yang mendaftar dan mengikuti kursus serta mengambil penilaian bagi kursus berkenaan tetapi tidak diberi gred. Simbol U akan direkod jika pelajar lulus kursus. Pelajar yang tidak memenuhi keperluan kursus, tidak mendapat apa-apa catatan. (Yuran akan dikenakan kepada pelajar)

KK (Kes Gangguan Kesihatan) Diberi kepada pelajar yang terhenti pengajiannya bagi sesuatu semester atas sebab kes gangguan kesihatan berasaskan laporan perubatan yang diiktiraf oleh Universiti, tidak termasuk kes bersalin atau apa jua gangguan kesihatan yang disengajakan kepada pelajar berkenaan).

KT (Kursus Tambahan)

Diberi kepada kursus yang diikuti oleh pelajar sebagai tambahan kepada kursus yang diwajibkan. Pelajar mengikuti dan mengambil penilaian bagi kursus berkenaan. Nilai Gred bagi kursus ini akan di ambil kira di dalam pengiraan PNG dan PNGK tetapi bilangan kredit kursus tambahan tidak diambil kira bagi maksud pengijazahan. (Yuran akan dikenakan kepada pelajar berkenaan.)

Ri (Kursus Ulangan)

Simbol ini dicatat dalam slip keputusan semester bagi kursus yang telah diulang kerana gagal dalam pengambilan sebelum ini. Hanya kredit dan nilai gred terkini kursus yang diulangi akan di ambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK. Abjad *i* menunjukkan berapa kali kursus berkenaan telah diulang (Yuran akan dikenakan kepada pelajar berkenaan).

TD (Tarik Diri)

Simbol ini diborikan kepada pelajar yang telah menyempurnakan pendaftaran kursus sesuatu semester dan telah dibenarkan menarik diri dari program pengajiannya.

KBi (Kursus Baiki)

Simbol ini dicatitkan bagi kursus yang diambil untuk memperbaiki gred bagi kursus sama yang pernah diambil sebelumnya. Gred terkini akan diambil kira untuk pengiraan PNG dan PNGK. Abjad *i* menunjukkan berapa kali kursus berkenaan telah diulang. (Yuran akan dikenakan kepada pelajar berkenaan).

10. SISTEM PENILAIAN

10.1 KEPUTUSAN PENILAIAN

- 10.1.1. Pencapaian seseorang pelajar bagi sesuatu semester ditunjukkan dengan Purata Nilai Gred (PNG). Pencapaiannya bagi keseluruhan tempoh pelajar telah berada dalam sesuatu program ditunjukkan dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).
- 10.1.2. Pengiraan PNG dan PNGK dimulakan dengan mengira **jumlah nilai gred** bagi sesuatu kursus. Ini dibuat dengan mendarab bilangan kredit dengan nilai gred kursus berkenaan.
- 10.1.3. PNG dikira dengan membahagi **jumlah nilai gred** semua kursus dengan jumlah kredit bagi semua kursus yang diambil pada semester berkenaan.
- 10.1.4. PNGK dikira dengan membahagi **jumlah nilai gred** semua kursus dengan jumlah kredit bagi semua kursus yang telah diambil oleh seseorang pelajar sejak memulakan pengajian di program berkenaan.
- 10.1.5. Semua kursus, termasuk Kursus Tambahan, diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK kecuali kursus yang tidak diberi gred.
- 10.1.6. Penilaian muktamad bagi setiap kursus pada setiap semester yang diperolehi oleh seseorang pelajar akan dicatitkan dalam rekod akademiknya. Pelajar yang mendapat PNG 3.67 dan ke atas untuk satu-satu semester akan dianugerahkan Sijil Kepujian Dekan. Walaubagaimanapun, jumlah minimum pengambilan kredit oleh pelajar pada semester berkenaan mestilah sekurang-kurangnya 8 kredit dan bergred. Kredit kursus yang berstatus SM tidak diambil kira untuk tujuan penganugerahan sijil tersebut.

10.2 MOD PENILAIAN

- 10.2.1. Gred bagi sesuatu kursus diberi berdasarkan pencapaian pelajar dalam **penilaian berterusan** sepanjang semester, melalui kerja kursus dan ujian.
- 10.2.2. Markah yang boleh diperuntukkan bagi semua ujian bagi sesuatu kursus ialah di antara 30 hingga 70 peratus. Markah bagi kerja kursus adalah 30 hingga 70 peratus juga.
- 10.2.3. Penilaian kursus yang berdasarkan agihan markah maksimum bagi kerja kursus dan ujian di luar julat di atas boleh dilaksanakan tertakluk kepada kebenaran Fakulti/Pusat.

10.3 PENILAIAN KHAS

- 10.3.1 Penilaian Ulangan Khas bagi sesuatu kursus boleh diadakan bagi pelajar semester terakhir yang memerlukan kurang daripada 8 kredit untuk tujuan mendapatkan ijazah. Penilaian tersebut hanya boleh diambil sekali sahaja bagi semester berkenaan.
- 10.3.2 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Dekan dengan disertakan bayaran yuran yang ditetapkan dalam masa tiga (3) minggu selepas keputusan bagi sesuatu semester diumumkan.

10.4 ETIKA AKADEMIK

- 10.4.1 Pelajar yang meniru hasil kerja orang lain atau tidak mengiktiraf kerja orang lain (plagiat) untuk tujuan tugas atau ujian akan dikenakan tindakan tatatertib.
- 10.4.2 Pelajar juga tidak dibenarkan bersubhat dalam peniruan atau penipuan yang dinyatakan dalam para 10.4.1.
- 10.4.3 Pelajar perlu juga mematuhi peraturan lain mengenai penilaian yang dinyatakan secara lisan atau bertulis.

10.5 PENANGGUHAN PENILAIAN

- 10.5.1 Pelajar yang sakit atau menghadapi gangguan lain sewaktu penilaian boleh memohon kepada Fakulti/Pusat untuk menangguhkan pengambilan penilaian berkenaan dan permohonan hendaklah dibuat tidak lewat dari 48 jam selepas penilaian itu diadakan.
- 10.5.2 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan penilaian semester atas sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan pengesahan doktor yang merawat pelajar berkenaan yang terdiri daripada doktor kerajaan, pegawai perubatan Universiti atau doktor panel Universiti sahaja. Permohonan atas sebab lain boleh dipertimbangkan atas budi bicara Fakulti/Pusat. Penilaian gantian boleh diatur berdasarkan kepada merit ka-ka tertentu.

10.6 RAYUAN MENYEMAK SEMULA KEPUTUSAN PENILAIAN KURSUS

- 10.6.1 Rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian sesuatu kursus hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Dekan Fakulti/Pusat berkenaan dalam masa tiga (3) minggu selepas keputusan semester diumumkan dengan mengemukakan resit bayaran yang telah ditetapkan oleh Universiti.
- 10.6.2 Keputusan penilaian semula hendaklah diperakukan oleh Lembaga Pemeriksa Fakulti/Pusat sebelum dikemukakan untuk pengesahan Senat, sebelum disampaikan kepada pelajar berkenaan.
- 10.6.3 Setiap keputusan yang dibuat menurut kaedah ini adalah muktamad.

10.7 PENGUMUMAN KEPUTUSAN SEMESTER

- 10.7.1 Keputusan pencapaian akademik pelajar bagi setiap semester hendaklah diumumkan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.

11. KEDUDUKAN AKADEMIK

11.1 KELAYAKAN MENERUSKAN PENGAJIAN

- 11.1.1 Keputusan semester akan menentukan kelayakan seseorang pelajar untuk meneruskan pengajian. Seseorang pelajar boleh diberi kedudukan lulus, lulus bersyarat (I atau II) atau gagal.

11.1.2 Lulus:

Seseorang pelajar dianggap Lulus dan dibenar meneruskan pengajian jika mendapat PNGK 2.00 atau lebih.

11.1.3 Lulus Bersyarat:

Pelajar dianggap **Lulus Bersyarat I** jika mendapat PNGK di antara 1.00 dan 1.99. Pelajar sedemikian akan diberi amaran untuk meningkatkan PNG atau PNGKnya ke paras 2.00 atau lebih pada semester berikutnya. Jika ia mencapai PNGK 2.00 atau lebih ia akan diberi status **Lulus**; jika ia mencapai PNG 2.00 atau lebih ia diberi status **Lulus Bersyarat II**; dan jika PNGnya masih belum mencapai keparas 2.00, dia akan diberi status **Gagal dan diberhentikan**.

Semester yang dimaksudkan adalah Semester I dan II sahaja.

11.1.4 Gagal dan diberhentikan

Seseorang pelajar dianggap **Gagal dan diberhentikan** jika ia:

- (a) Mendapat PNGK kurang dari 1.00 pada mana-mana semester; atau
- (b) Gagal meningkatkan PNG ke paras 2.00 atau lebih setelah mendapat taraf **Lulus Bersyarat I** pada semester sebelumnya; atau
- (c) Gagal meningkatkan PNGK ke paras 2.00 atau lebih setelah mendapat taraf **Lulus Bersyarat II** pada semester sebelumnya.

11.2 MENGULANG UNTUK MENEBUS KURSUS GAGAL

- 11.2.1 Pelajar yang gagal dalam sesuatu kursus hendaklah mengulangi kursus tersebut sehingga lulus.
- 11.2.2 Hanya gred yang **terkini** diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK; gred lain dicatat sebagai rekod sahaja.
- 11.2.3 Pelajar juga boleh memilih untuk mengambil **kursus** lain yang diiktiraf **setara** dengan kursus yang hendak diulang, dan gred bagi kursus berkenaan diambil kira seperti gred bagi kursus ulangan.

11.3 MENGULANG UNTUK MEMPERBAIKI GRED/PNGK

- 11.3.1 Pelajar boleh mengulang sesuatu kursus untuk memperbaiki gred kursus berkenaan, tertakluk kepada kelulusan Fakulti/Pusat.
- 11.3.2 Pelajar boleh berbuat demikian sehingga mendapat gred yang memuaskan dalam tempoh ia dibenar meneruskan pengajiannya.

PENGANUGERAHAN IJAZAH

Seseorang pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut untuk dikurniakan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian:

- (a) Lulus semua kursus yang disyaratkan bagi program berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan;
- (b) Mencapai PNGK sekurang-kurangnya 2.00.
- (c) Mengumpul sekurang-kurangnya seratus dua puluh lima (125) kredit atau sejumlah kredit lain yang ditetapkan oleh Senat.
- (d) Memenuhi semua kehendak Peraturan Pengajian Sarjana Muda
- (e) Diperakui supaya dianugerahkan ijazah berkenaan oleh Lembaga Pemeriksa dan disahkan oleh Senat.
- (f) Menjelaskan segala yuran dan hutang kepada Universiti.
- (g) Syarat-syarat lain yang ditetapkan dari masa ke semasa.

13. PENANGGUHAN PENGAJIAN

- 13.1 Pelajar lama boleh memohon untuk menangguhkan pengajian tanpa sebab dengan menulis kepada Dekan **sebelum penghujung minggu ke-3** sesuatu semester.
- 13.2 Selepas minggu ke-3 hanya permohonan yang melibatkan kes gangguan kesihatan dan masalah tertentu, seperti di bawah, sahaja boleh diterima oleh Fakulti/Pusat.
- 13.2.1 Seseorang pelajar yang sakit untuk tempoh yang agak lama boleh diberi penangguhan pengajian untuk semester tertentu oleh Fakulti/Pusat. Dalam kes seperti ini perakuan daripada doktor perubatan adalah diperlukan. Perakuan yang bukan daripada doktor perubatan boleh dipertimbangkan dalam kes tertentu selepas pelajar berkenaan menjalani rawatan doktor perubatan terlebih dahulu. Dalam kes sakit jiwa, kebenaran untuk mendaftar semula adalah tertakluk kepada perakuan doktor perubatan yang berkenaan.
- 13.2.2 Doktor perubatan yang merawat pelajar berkenaan mestilah terdiri daripada Doktor Kerajaan, Pegawai Perubatan Universiti, Doktor Panel Universiti atau doktor lain yang diiktiraf oleh Universiti.
- 13.2.3 Seseorang pelajar yang menghadapi masalah selain daripada perenggan 13.2.1 di atas boleh juga diberi penangguhan pengajian untuk sesuatu semester tersebut oleh Fakulti/Pusat tertakluk kepada Fakulti/Pusat berpuas hati bahawa masalahnya itu akan menjejaskan pembelajarannya pada semester berkenaan.
- 13.2.4 Pelajar yang telah mendapat pengesahan daripada doktor perubatan bahawa ia telah hamil lebih daripada enam (6) bulan pada waktu pendaftaran dinasihatkan tidak mendaftar pada semester tersebut.
- 13.2.5 Tempoh yang ditangguh akan diambil kira dalam tempoh pengajian pelajar kecuali atas sebab-sebab kesihatan.
- 13.3 Pelajar yang telah diberi penangguhan pendaftaran dan kebenaran tidak mendaftar akan hilang tarafnya sebagai pelajar Universiti dan dengan demikian beliau tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan Univorsiti yang diberikan kepada pelajar sehingga beliau mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.

14. RAYUAN MENERUSKAN PENGAJIAN

- 14.1 Seseorang pelajar yang mendapat keputusan **Gagal** bagi sesuatu semester boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut.
- 14.2 Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Timbalan Naib Canselor (Pendidikan dan Latihan) dalam tempoh **dua (2) minggu** selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan dan setiap rayuan hendaklah disertai dengan bayaran yuran yang ditetapkan.
- 14.3 Timbalan Naib Canselor (Pendidikan dan Latihan) hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Ray untuk mempertimbangkannya.
- 14.4 Perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Rayuan mengenai perkara tersebut hendaklah dikemukakan kepada Senat untuk pengesahan muktamad.

15. MENARIK DIRI ATAU BERHENTI TANPA MUDARAT

- 15.1 Seseorang pelajar boleh menarik diri daripada mengikuti program pengajiannya dengan membuat permohonan bertulis kepada Timbalan Naib Canselor (Pendidikan dan Latihan).
- 15.2 Timbalan Naib Canselor (Pendidikan dan Latihan) setelah mendapat persetujuan Dekan Fakulti/Pusat berkenaan boleh meluluskan permohonan di atas setelah mempastikan bahawa pelajar tersebut telah menyelesaikan semua hutang. Bagi penarikan diri yang sedemikian gred TD (Tarik Diri) hendaklah diberi untuk semua kursus yang didaftar oleh pelajar tersebut.

16. PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

- 16.1 Sebarang kaedah pelaksanaan selanjutnya boleh dibuat di bawah mana-mana peruntukan Peraturan ini. Senat berhak mengubah mana-mana peraturan ini dari masa ke semasa apabila keadaan memerlukan.

PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN

KAJIAN ANTARABANGSA

Konsep dan Rasional

Keperluan kepada pengajian antarabangsa kini dirasakan amat besar. Sesebuah negara itu tidaklah dapat terlepas daripada terintegrasi ke dalam sebuah sistem dunia yang merupakan sebuah komuniti bangsa-bangsa yang saling bergantung dan berhubung. Tujuan utama program ini adalah menumpukan perhatian terhadap hubungan antara negara-negara dengan mengkaji secara kritikal aspek-aspek sejarah dan ciri-ciri dunia semasa. Perbincangan secara konstruktif akan diadakan mengfokus kepada peranan institusi-institusi formal dan tidak formal serta aspek-aspek lain yang berkaitan dengan masyarakat antarabangsa yang mempengaruhi sebarang perubahan di peringkat antarabangsa. Selain daripada menekankan pengetahuan yang bersifat teoritis, program ini juga akan mendedahkan pelajar kepada beberapa aspek pengetahuan amali yang perlu dikuasai oleh pengamal hubungan antarabangsa seperti para diplomat dan perwakilan perdagangan antarabangsa.

Kandungan Program

Tahun	Kod Kursus	Nama Kursus (Dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris)
Pertama	SSF1013	Pengantar Antropologi dan Sosiologi / <i>Introduction to Anthropology and Sociology</i>
	SSF1023	Pengantar Psikologi / <i>Introduction to Psychology</i>
	SSF1033	Pengenalan Sejarah Sosial Malaysia / <i>Introduction to Malaysian Social History</i>
	SSF1043	Perspektif Sosiologi / <i>Sociology Perspectives</i>
	SSF1053	Pengenalan Sains Politik / <i>Introduction to Political Science</i>
	SSF1063	Statistik untuk Sains Sosial / <i>Statistics for Social Sciences</i>
	EBE1033 EBE1043	Pengantar Ekonomi Mikro / <i>Introduction to Micro Economics</i> Pengenalan Ekonomi Makro / <i>Introduction to Macro Economics</i>
Kedua	SSA2013 ✓	Pengenalan Hubungan Antarabangsa / <i>Introduction to International Relations</i>
	SSA2023 ✓	Analisis Dasar Luar dan Hubungan Antarabangsa / <i>Analysis of Foreign Policy and International Relations</i>
	SSA2033 ✓	Hubungan Antarabangsa: Teori dan Amalan / <i>International Relations: Theory and Practice</i>
	SSP2033 ✓	Sistem Politik Malaysia / <i>Malaysian Political System</i>
	SSA2063 ✓	Organisasi-organisasi Antarabangsa / <i>International Organisations</i>
	SSA2073	Politik Antarabangsa Asia Pasifik / <i>International Politics in Asia Pacific</i>
	SSA2083	Pengantar Undang-undang Antarabangsa / <i>Introduction to International Law</i>
	EBE2013	Pengenalan Ekonomi Antarabangsa / <i>Introduction to International Economics</i>
	SSF2013	Kaedah Penyelidikan Sains Sosial / <i>Social Science Research Methods</i>
	SSF2023	Latihan Industri / <i>Industrial Placement</i>
Ketiga	SSA3013	Amalan Diplomasi Moden / <i>The Practice of Modern Diplomacy</i>
	SSA3033	Keselamatan dan Pertahanan Negara / <i>Security and National Defence</i>
	SSA3043	Isu-isu Hubungan Antarabangsa / <i>Contemporary Issues in International Relations</i>
	SSP3043	Politik Negara-negara Membangun / <i>Politics in Developing Countries</i>
	SSA3053	Dasar Luar Malaysia / <i>Malaysian Foreign Policy</i>
	SSP3053	Demokrasi / <i>Democracy</i>
	SSA3063	Perundingan dan Penyelesaian Konflik / <i>Negotiation and Conflict Resolution</i>
	SSF3016	Projek Tahun Akhir / <i>Final Year Project</i>
	SSF3113	Penulisan Ilmiah I / <i>Academic Exercise I</i> *
	SSF3123	Penulisan Ilmiah II / <i>Academic Exercise II</i> *

*Pelajar-pelajar diwajibkan mengambil samada I) SSF3016 atau II) SSF3113 & SSF3213

KAJIAN HUBUNGAN INDUSTRI DAN PERBURUHAN

Konsep dan Rasional

Kajian hubungan industri dan perburuhan memperkenalkan isu-isu pengajian dan penyelidikan berkaitan globalisasi pengeluaran dan pembahagian kerja antarabangsa. Ia meliputi perubahan proses kerja serta implikasinya ke atas kehidupan keluarga dan masyarakat. Ia juga menyentuh soal sistem dan proses hubungan di antara pihak pekerja, majikan dengan kerajaan dan undang-undang tertentu yang dikuatkuasakan oleh kerajaan. Program pengajian ini juga merangkumi isu-isu baru dalam pembangunan, perancangan dan pengurusan sumber manusia serta beberapa aspek penting dalam penyelidikan.

Kandungan Program

Tahun	Kod Kursus	Nama Kursus (Dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris)
Pertama	SSF1013	Pengantar Antropologi dan Sosiologi / <i>Introduction to Anthropology and Sociology</i>
	SSF1023	Pengantar Psikologi / <i>Introduction to Psychology</i>
	SSF1033	Pengenalan Sejarah Sosial Malaysia / <i>Introduction to Malaysian Social History</i>
	SSF1043	Perspektif Sosiologi / <i>Sociology Perspectives</i>
	SSF1053	Pengenalan Sains Politik / <i>Introduction to Political Science</i>
	SSF1063	Statistik untuk Sains Sosial / <i>Statistics for Social Sciences</i>
PK	EBE1033	Pengantar Ekonomi Mikro / <i>Introduction to Micro Economics</i>
	EBE1043	Pengenalan Ekonomi Makro / <i>Introduction to Macro Economics</i>
Kedua	SSB2013	Ekonomi Perburuhan / <i>Labour Economics</i>
	SSR2013	Konsep Asas dan Isu-isu Pembangunan / <i>Basic Concepts and Issues in Development</i>
	SSB2023	Ekonomi Politik / <i>Political Economy</i>
	SSB2033	Organisasi Kompleks / <i>Complex Organisation</i>
	KMS2033	Perancangan dan Strategi Sumber Manusia / <i>Human Resource Planning and Strategy</i>
	SSP3033	Sistem Perundangan Malaysia / <i>Malaysian Legal System</i>
	SSR2033	Sektor Awam dan Pengurusan Korporat / <i>Public Sector and Corporate Management</i>
	SSB2043	Sosiologi Hubungan Industri / <i>Sociology of Industrial Relations</i>
	SSB2053	Undang-undang Perburuhan / <i>Labour Law</i>
	SSB2063	Hubungan Industri dan Kesatuan Sekerja / <i>Industrial Relations and Trade Union</i>
	SSF2013	Kaedah Penyelidikan Sains Sosial / <i>Social Science Research Methods</i>
SSF2023	Latihan Industri / <i>Industrial Placement</i>	
Ketiga	SSB3013	Industrialisasi: Kemunculan, Proses dan Kesan / <i>Industrialisation: Emergence, Processes and Impact</i>
	SSB3023	Hubungan Industri Bandingan / <i>Comparative Industrial Relations</i>
	SSB3033	Perlakuan Organisasi dan Hubungan Industri / <i>Organisational Behaviour and Industrial Relations</i>
	SSB3043	Perundingan dan Penyelesaian Konflik / <i>Negotiation and Conflict Resolution</i>
	SSB3053	Teknologi, Organisasi dan Sekitaran Kerja / <i>Technology, Work Organisation and Environment</i>
	SSF3016	Projek Tahun Akhir / <i>Final Year Project</i> *
	SSF3113	Penulisan Ilmiah I / <i>Academic Exercise I</i> *
	SSF3123	Penulisan Ilmiah II / <i>Academic Exercise II</i> *

* Pelajar-pelajar diwajibkan mengambil samada I) SSF3016 atau II) SSF3113 & SSF3123

KAJIAN KHIDMAT SOSIAL

Konsep dan Rasional

Kita hidup dalam masyarakat yang dilanda banyak masalah. Walau bagaimanapun, wujud tekad untuk menangani masalah-masalah itu dalam usaha untuk memperbaiki kualiti kehidupan rakyat Malaysia. Orang ramai agak hairan apabila mengetahui yang kajian khidmat sosial ditawarkan di peringkat universiti dan kini menjadi satu profesion. Kekeliruan ini mungkin berpunca daripada andaian yang mengatakan bahawa untuk menjadi seseorang pekerja sosial hanya perlu mempunyai sikap penyayang dan peka terhadap masalah sosial. Namun begitu menjadi seorang pekerja sosial memerlukan pemahaman yang jelas tentang faktor penyebab sesuatu masalah dan cara yang paling berkesan untuk menanganinya di peringkat individu, kumpulan, masyarakat dan peringkat perancangan polisi. Program Kajian Khidmat Sosial bertujuan untuk mengeluarkan para graduan yang mampu menghadapi cabaran-cabaran berpunca daripada perubahan sosial yang pesat. Selain daripada isu-isu Khidmat Sosial, program ini memberi penekanan kepada topik-topik yang bersangkutan dengan kepentingan awam. Tujuan program ini ialah untuk melengkapkan pelajar-pelajar dengan teori dan kemahiran asas dalam kerja-kerja sosial yang membolehkan mereka memberi perkhidmatan kepada individu, kumpulan ataupun komuniti. Program yang luas dasarnya ini memerlukan pengetahuan merentasi pelbagai disiplin sains sosial dan perlakuan, perancangan dan pengurusan, kemahiran tertentu (khususnya komunikasi interpersonal), mematuhi etika dan kesediaan untuk mempelajari tentang diri sendiri.

Kandungan Program

Tahun	Kod Kursus	Nama Kursus (Dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris)
Pertama	SSF1013 ✓	Pengantar Antropologi dan Sosiologi / <i>Introduction to Anthropology and Sociology</i>
	SSF1023 ✓	Pengantar Psikologi / <i>Introduction to Psychology</i>
	SSF1033 ✓	Pengenalan Sejarah Sosial Malaysia / <i>Introduction to Malaysian Social History</i>
	✓SSF1043	Perspektif Sosiologi / <i>Sociology Perspectives</i>
	SSF1053 ✓	Pengenalan Sains Politik / <i>Introduction to Political Science</i>
	SSF1063 ✓	Statistik untuk Sains Sosial / <i>Statistics for Social Sciences</i>
	EBE1033 ✓	Pengantar Ekonomi Mikro / <i>Introduction to Micro Economics</i>
✓EBE1043	Pengenalan Ekonomi Makro / <i>Introduction to Macro Economics</i>	
Kedua	SSS2013	Organisasi Sosial / <i>Social Organisation</i>
	SSR2013	Konsep Asas dan Isu-isu Pembangunan / <i>Basic Concepts and Issues in Development</i>
	SSS2023	Teori dan Metod Khidmat Sosial / <i>Social Work Theory and Method</i>
	SSS2033	Pembangunan Khidmat Sosial dan Kebajikan / <i>Development of Social Work and Social Work Welfare</i>
	SSS2043	Pembangunan Manusia dalam Konteks Persekitaran / <i>Human Development and the Social Development</i>
	SSS.2053	Kemahiran Kaunseling / <i>Counselling Skills</i>
	SSS2063	Pengkhususan Khidmat Sosial 1: Keluarga dan Kanak-kanak / <i>Specialisation 1: Family and Child Welfare</i>
	SSS2073	Teori dan Pendekatan dalam Khidmat Komuniti / <i>Theory and Approaches in the Community</i>
	SSF2013	Kaedah Penyelidikan Sains Sosial / <i>Social Science Research Methods</i>
	SSF2023	Latihan Industri / <i>Industrial Placement</i>
Ketiga	SSS3013	Pengkhususan Khidmat Sosial 2: Devian dan Perkhidmatan Pemulihan / <i>Specialisation 2: Deviance and Reformatory Services</i>
	SSS3023	Pengkhususan Khidmat Sosial 3: Wanita dan Minoriti / <i>Specialisation 3: Women and Minorities</i>
	SSS3033	Pengkhususan Khidmat Sosial 4: Perubahan dan Kesihatan / <i>Specialisation 4: Health and Medicine</i>
	SSS3043	Rangka Perundangan dan Khidmat Sosial / <i>Social Services and the Law</i>
	SSS3053	Perancangan Dasar dan Pengurusan Khidmat Sosial / <i>Policy Planning and Social Services Management</i>
	SSS3073	Kerja Lapangan dalam Khidmat Sosial / <i>Field Work in Social Services</i>
	SSS3063	Perbandingan Sistem Perkhidmatan Sosial Antarabangsa / <i>Comparative International Systems in Social Services</i>
	SSF3016	Projek Tahun Akhir / <i>Final Year Project</i>
	SSF3113	Penulisan Ilmiah I / <i>Academic Exercise I*</i>
	SSF3123	Penulisan Ilmiah II / <i>Academic Exercise II*</i>

* Pelajar-pelajar diwajibkan mengambil samada I) SSF3016 atau II) SSF3113 & SSF3213

KAJIAN KOMUNIKASI

Konsep dan Rasional

Komunikasi adalah asas hidup manusia. Sebagai individu, manusia mentafsirkan realiti melalui komunikasi diri, yang seterusnya mempengaruhi hubungan sesama manusia. Kini, masyarakat dilanda timbunan maklumat melalui sistem media massa yang semakin canggih dan kompleks. Kebolehan kita berfungsi dengan berkesan dalam persekitaran komunikasi yang berkembang subur, bergantung kepada kebolehan kita mengurus komunikasi di peringkat peribadi, antarapersonal, organisasi, nasional dan antarabangsa. Kajian Komunikasi merupakan satu-satunya bidang pengajian di peringkat tinggi yang amat menarik dan pesat berkembang. Kepopularan program-program komunikasi disebabkan, sebahagiannya, oleh kepesatan perubahan yang melanda dunia, ekoran dari pencantuman teknologi maklumat dan komunikasi yang turut memberi kesan kuat kepada dunia dan masa depan kita.

Kandungan Program

Tahun	Kod Kursus	Nama Kursus (Dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris)	
Pertama	SSF1013 ✓	Pengantar Antropologi dan Sosiologi / <i>Introduction to Anthropology and Sociology</i>	
	SSF1023 ✓	Pengantar Psikologi / <i>Introduction to Psychology</i>	
	SSF1033 ✓	Pengenalan Sejarah Sosial Malaysia / <i>Introduction to Malaysian Social History</i>	
	SSF1043 ✓	Perspektif Sosiologi / <i>Sociology Perspectives</i>	
	SSF1053 ✓	Pengenalan Sains Politik / <i>Introduction to Political Science</i>	
	SSF1063 ✓	Statistik untuk Sains Sosial / <i>Statistics for Social Sciences</i>	
	FBE1033 ✓	Pengantar Ekonomi Mikro / <i>Introduction to Micro Economics</i>	
	EBL1043 ✓	Pengenalan Ekonomi Makro / <i>Introduction to Macro Economics</i>	
	Kedua	SSK2013 ✓	Pengantar Teori Komunikasi / <i>Introduction to Communication Theory</i>
		SSK2023 ✓	Pengantar Media Massa / <i>Introduction to Mass Media</i>
SSK2033 ✓		Penulisan Media Massa / <i>Writing in Mass Media</i>	
SSK2043 ✓		Komunikasi Antara Manusia / <i>Interpersonal Communication</i>	
SSK2053 ✓		Prinsip dan Amalan Perhubungan Awam / <i>Principles and Practice of Public Relations</i>	
SSK2063 ✓		Komunikasi Periklanan dan Pemasaran / <i>Marketing and Advertising Communications</i>	
SSK2073 ✓		Komunikasi Penyiaran / <i>Broadcasting Communication</i>	
SSK2083 ✓		Pemberitaan Ekonomi dan Perniagaan / <i>Economic and Business Reporting</i>	
SSF2013 ✓		Kaedah Penyelidikan Sains Sosial / <i>Social Science Research Methods</i>	
SSF2023 ✓		Latihan Industri / <i>Industrial Placement</i>	
Ketiga	SSK3013 ✓	Pendapat Umum dan Pujukan / <i>Public Opinion and Persuasion</i>	
	SSK3033 ✓	Komunikasi Korporat / <i>Corporate Communication</i>	
	SSK3043 ✓	Komunikasi Antarabangsa / <i>International Communication</i>	
	SSK3063 ✓	Seminar Media dan Masyarakat Malaysia / <i>Seminar on the Media and Malaysian Society</i>	
	SSK3073 ✓	Komunikasi Antarabudaya / <i>Intercultural Communication</i>	
	SSK3083 ✓	Sistem-sistem Media Sejagat / <i>Global Media Systems</i>	
	SSK3093 ✓	Penerbitan Rancangan Penyiaran / <i>Broadcasting Production</i>	
	SSF3016 ✓	Projek Tahun Akhir / <i>Final Year Project</i>	
	SSF3113 ✓	Penulisan Ilmiah I / <i>Academic Exercise I*</i>	
	SSF3123 ✓	Penulisan Ilmiah II / <i>Academic Exercise II*</i>	

* Pelajar-pelajar diwajibkan mengambil samada I) SSF3016 atau II) SSF3113 & SSF3213

POLITIK DAN PEMERINTAHAN

Konsep dan Rasional

Program ini bertujuan memperkembangkan kefahaman di kalangan pelajar tentang pelbagai sistem politik dengan penekanan kepada pergerakan-pergerakan demokratik. Penekanan juga diberikan kepada isu-isu keabsahan, ideologi, kuasa, membuat keputusan, pengawalan birokrasi dan analisis sistem politik di negara-negara membangun di dalam kerangka (konteks) ekonomi dunia kapitalis yang berubah.

Kandungan Program

Tahun	Kod Kursus	Nama Kursus (Dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris)
Pertama	SSF1013	Pengantar Antropologi dan Sosiologi / <i>Introduction to Anthropology and Sociology</i>
	SSF1023	Pengantar Psikologi / <i>Introduction to Psychology</i>
	SSF1033	Pengenalan Sejarah Sosial Malaysia / <i>Introduction to Malaysian Social History</i>
	SSF1043	Perspektif Sosiologi / <i>Sociology Perspectives</i>
	SSF1053	Pengenalan Sains Politik / <i>Introduction to Political Science</i>
	SSF1063	Statistik untuk Sains Sosial / <i>Statistics for Social Sciences</i>
